

13/11/2003

Masyarakat Siam patut dapat Tekun

KERAJAAN disaran memanjangkan peruntukan yang disalurkan kepada Tabung Infrastruktur Pelancongan, Tabung Industri Kecil dan Sederhana serta Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun) kepada masyarakat Siam di negara ini bagi membolehkan mereka menceburi bidang perniagaan secara lebih serius.

Senator Siw Chun Eam berkata, langkah itu juga berupaya membantu masyarakat Siam meningkatkan taraf ekonomi mereka yang selama ini banyak bergantung kepada sektor pertanian.

"Masyarakat Siam terkenal dengan masakannya seperti tomyam dan paprik. Mungkin masakan ini dapat dikomersialkan untuk menjadi produk makanan yang dibekukan, membuat pes makanan Thai dan dihidang secara makanan segera.

"Ia boleh diusahakan secara industri kecil dan sederhana jika diberi peluang dan tunjuk ajar sewajarnya.

"Masyarakat keturunan Siam di negara ini berharap diberi peluang yang sama supaya kami boleh maju seperti kaum lain, seiring pembangunan negara," katanya pada sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2004, semalam.

Beliau turut merakamkan penghargaan terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang melantik wakil keturunan Siam sebagai Senator, sekali gus mencatat sejarah bagi masyarakat berkenaan.

Pelantikan itu, kata Siw, dianggap sebagai pengiktirafan tertinggi kepada lebih 60,000 kaum minoriti terbabit dan membuka peluang bagi mereka untuk turut menyumbang ke arah pembangunan negara.

Senator Datuk Muhammad Abdul Ghani mencadangkan kerajaan mengkaji semula skim gaji anggota pasukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan memberi kenaikan gaji 20 peratus, terutama bagi anggota bawahan.

Beliau berkata, gaji permulaan anggota bawahan sekarang, iaitu RM605 perlu dinaikkan kepada sekurang-kurangnya RM800 sebulan, di samping elaun tambahan.

"Tambahan gaji ini selaras dengan beban tugas dan risiko yang dihadapi anggota tentera dalam memastikan keselamatan dan keamanan negara terjamin. Ia juga mampu menarik minat lebih ramai golongan muda menyertai ATM," katanya.